



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

15 OKTOBER 2020

1. Ketua Kampung ditahan curi lembu
2. Hobi ternak arnab beri keuntungan ribuan ringgit

OLEH:

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Haiwan diikat, diletakkan di belakang trak pikap

Ketua kampung ditahan curi lembu

Oleh NOR AINNA HAMZAH

TAMPIN – Enam lelaki termasuk seorang Pengurus Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) ditahan selepas diperdayai mencuri seekor lembu di Kampung Sungai Dua, Gemencheh di sini pada Isnin lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Tampin, Deputi Superintendant Ahmad Pilus Zainal berkata, kejadian pada pukul 2.20 petang itu disedari oleh pemilik haiwan tersebut yang berusia 70 tahun.

Warga emas itu dan anak lelakinya terserempak dengan sebuah kenderaan pacuan empat roda dalam keadaan mencurigakan semasa mahu melihat lembunya di kawasan belukar berhampiran sebuah kandang ayam.

"Semasa terserempak, kenderaan tersebut dinaiki empat lelaki termasuk ketua kampung.

"Penternak tersebut menghalang kenderaan itu dan mahu membuat pemeriksaan di dalamnya," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut beliau, setelah diperiksa pemiliknya terkejut apabila mendapati seekor lembu jantan dengan kaki terikat diletakkan di bahagian belakang kenderaan dan ditutup dengan kanvas berwarna merah.

Ahmad Pilus memberitahu, berlaku pertengkaran antara kumpulan suspek berkenaan dan mangsa sebelum kesemua lelaki itu bertindak melepaskan lembu tersebut.

Susulan kejadian itu, penternak tersebut membuat laporan



SEEKOR lembu jantan dengan kaki terikat yang dicuri ditemui atas sebuah kenderaan pacuan empat roda di Gemencheh, Tampin pada Isnin lalu.

di balai polis berdekatan.

"Bertindak atas maklumat, polis memberkas enam lelaki termasuk ketua kampung berusia 35 hingga 50 tahun.

"Dua daripada suspek itu mempunyai rekod jenayah. Mereka ditahan membantu siasatan mengikut Seksyen 379 Kajun Keseksian," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15.10.2020	KOSMO	NEGARA	18

Hobi ternak arnab beri keuntungan ribuan ringgit

KUALA KRAI – Sebelum ini arnab hanya dijadikan sebagai peliharaan, namun kini haiwan itu boleh memberi keuntungan ribuan ringgit kepada pemiliknya.

Penternak arnab, Muhamad Naszri Hassan, 53, dari Kampung Dabong di sini berkata, daging arnab mendapat permintaan tinggi apabila ia dikatakan mampu merawat pelbagai penyakit selain dijadikan menu hidangan seperti sate.

Menurutnya, dia mula ternak arnab secara serius sejak dua tahun lalu yang bermula dengan membeli enam ekor induk arnab jenis New Zealand White yang dijadikan baka termasuk seekor arnab jantan.

"Selepas sebulan membela, arnab itu membiak dengan cepat dan saya terpaksa menjualnya. Sehingga kini, saya mempunyai 300 ekor arnab.

"Ternakan arnab mampu memberi pendapatan lumayan

kerana mudah membiak dan sukar dijangkiti penyakit.

"Harga arnab kini mampu mencecah RM200 ke atas bagi induk dan RM28 hingga RM35 sekilogram bagi arnab yang siap diproses," katanya semalam.

Muhammad Naszri yang juga ahli Penternak Arnab Kelantan memberitahu, penjagaan arnab juga sangat mudah berbanding ternakan lain.

"Penjagaannya senang dan tidak cerewet kerana setiap hari saya berikan palet sebagai makanan dan daun hijau seminggu sekali.

"Arnab berusia dua bulan dengan berat sekurang-kurangnya 1.5 kilogram ke atas sudah boleh dijual dan boleh dijadikan induk baka ketika berusia tiga bulan ke atas," katanya.

Menurutnya, dia telah membina sangkar khas yang dilengkapi sistem tangki air untuk memudahkan arnab minum.

